



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 25 JUN 2025

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ROMPAK HASIL NEGARA, MUKA HADAPAN, HARIAN METRO	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	TAKTIK LICIK ELAK DIKESAN, LOKAL, HARIAN METRO – 2	
3.	178 BOT NELAYAN ASING DISITA, 109 SUDAH DILUPUSKAN, LOKAL, HARIAN METRO – 2	
4.	NEGARA RUGI RM823.88 JUTA, LOKAL, HARIAN METRO - 2	
5.	BDIFIP WUJUDKAN HAB PERIKANAN HALAL BERTARAF DUNIA, NASIONAL, SINAR HARIAN - 11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

NELAYAN ASING CEROBOKH PERAIRAN NEGARA

Taktik licik elak dikesan!

Oleh Amir Abd Hamid
dan Muhaamad Hafis
Nawawi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Beroperasi pada waktu malam, menggunakan bot kecil, menyamar sebagai nelayan tempatan dengan memalsukan nombor pendaftaran bot termasuk mengubah suai Sistem Pengesanan Automatik (AIS).

Itu antara modus operandi licik nelayan warga asing apabila sentiasa mengubah taktik bagi mengelakkan daripada dikesan pihak berkuasa Malaysia sebelum rakus merompak hasil negara.

Mendedahkan perkara itu, Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Datuk Mohd Rosli Abdullah berkata, sebahagian nelayan asing kini menggunakan peralatan berteknologi tinggi pada bot masing-masing.

Menurutnya, peralatan itu termasuk sistem navigasi GPS (sistem kedudukan sejagat), komunikasi satelit dan sistem AIS yang diubah suai atau dipadamkan untuk mengelakkan dikesan.

Katanya, nelayan asing sentiasa mengubah kaedah operasi mereka bagi mengelakkan dikesan termasuk beroperasi pada waktu malam, menggunakan bot kecil untuk menyelip masuk, serta menyamar sebagai nelayan tempatan dengan memalsukan nombor pendaftaran bot.

"Selain itu, mereka turut menggunakan bot sokongan seperti Bot Induk (Mother Boat) yang lebih besar untuk mempercepatkan pemindahan hasil laut dan mendapatkan bekalan



"Mereka turut menggunakan bot sokongan seperti Bot Induk (Mother Boat) yang lebih besar untuk mempercepatkan pemindahan hasil laut dan mendapatkan bekalan logistik tambahan seperti makanan, minuman dan minyak"

Mohd Rosli

logistik tambahan seperti makanan, minuman dan minyak.

"Dengan cara ini, mereka dapat berada di laut dalam tempoh lebih lama tanpa perlu pulang ke pangkalan untuk menghantar hasil laut.

"Taktik ini membolehkan mereka melaksanakan operasi keluar masuk perairan negara secara terancang dan terselindung, sekali gus menyukarkan usaha pengesanan dan ditahan oleh pihak berkuasa," katanya secara eksklusif kepada Harian Metro.

Beliau berkata, perubahan taktik ini menuntut APMM untuk sentiasa mengemaskini strategi risi-

kan, rondaan dan kaedah penguatkuasaan bagi memastikan keberkesanan dalam membanteras pencerobohan.

"Buat masa ini, bot nelayan Vietnam banyak beroperasi di kawasan sempadan perairan dan dilindungi oleh pihak berkuasa negara terbabit.

"Oleh itu, apabila terdapat aset peronda di kawasan sempadan, kapal milik pihak berkuasa Vietnam akan memaklumkan kepada bot nelayan yang lain supaya beredar," katanya.

Katanya, bagi bot nelayan Indonesia pula mereka menggunakan bot kayu tradisional, beroperasi secara berkumpulan antara lima hingga enam bot dan akan berada di laut sehingga bekalan makanan serta minyak habis untuk tempoh kebiasaannya selama lima hari.

"Mereka menggunakan peralatan rawai untuk menangkap ikan. Kapal APMM yang beroperasi di laut boleh mengesan kontak ini melalui radar kapal.

"Sekiranya ditahan oleh pihak berkuasa, alasan yang sering diberikan oleh bot nelayan Indonesia ini ialah bot mengalami kerosakan atau hanyut ke perairan Malaysia akibat ribut," katanya.

Katanya, berdasarkan rekod operasi APMM, beberapa bentuk tindakan provokasi dikenal pasti dan sering digunakan oleh bot nelayan Vietnam, antaranya berkumpul dalam formasi berkumpulan (swarming tactic) untuk mengepung atau menghalang aset penguat kuasa menghampiri bot sasaran.

"Mereka juga melakukan pergerakan merbahaya atau 'zigzagging', menghimpit atau hampir melanggar bot penguat kuasa

178 bot nelayan asing disita, 109 sudah dilupuskan

Kuala Lumpur: Sebanyak 178 bot nelayan asing disita Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dalam tempoh tiga tahun dengan 109 daripadanya sudah dilupuskan.

Ketua Pengarah APMM Datuk Mohd Rosli Abdullah berkata, bagi tempoh itu, bot nelayan Vietnam paling banyak dirampas iaitu 84 buah diikuti Indonesia (61), Thailand (30) dan China (3).

Menurutnya, hasil daripada sitaan itu, sebanyak 109 bot nelayan asing dilupuskan membabitkan

STATISTIK TANGKAPAN DAN SITAAN BOT NELAYAN WARGA ASING YANG MENCEROBOH PERAIRAN NEGARA

	Vietnam	Indonesia	Thailand	China	Jumlah
2023	35	36	13	2	86
2024	47	21	15	1	84
2025	2	4	2	0	8
Jumlah	84	61	30	3	178

INFOGRAFIK | Metro

nilai RM1.83 juta.

"Bot nelayan asing paling banyak dilupuskan adalah dari Vietnam membabitkan 97 buah, diikuti Indonesia (11) dan satu dari Thailand.

"Sejak 2023 sehingga 2025, APMM merekodkan hasil lelongan sebanyak RM3,752,330.50 manakala kompaun dan denda berjumlah RM84,141,077.80," katanya.

Negara rugi RM823.88 juta

Kuala Lumpur: Dalam tempoh empat tahun sehingga tahun lalu, Malaysia mengalami kerugian berjumlah RM823.88 juta akibat pencerobohan bot nelayan asing di perairan negara.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata, sebanyak 515 kes pencerobohan nelayan asing direkodkan dari 2020 hingga 2024.

Menurutnya, ia membabitkan nilai kerugian RM823.88 juta berdasar-

kan rekod Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM).

"DOF sentiasa mengukuhkan kerjasama dengan APMM dan PPM dengan melaksanakan penguatkuasaan di laut termasuk melalui konsep kerjasama antara agensi menerusi Ops Naga, Ops Gelora, 'Patkor Optima' dan 'Mardof'," katanya.

Menurutnya, pihaknya memberi komitmen de-

ngan instrumen antara-bangsa berkaitan isu penangkapan ikan secara haram, tidak dilaporkan dan tidak terkawal (IUU).

Katanya, ia dibuat dengan kaedah bergiat aktif mengukuhkan kerjasama serantau melalui platform seperti The Asean Combating IUU Fishing (AN-IUU) dan The Regional Plan of Action to Prevent, Deter and Eliminate Illegal, Unreported and Unregulated Fishing (RPOA-IUU).

sebagai taktik halangan.

"Menyalurkan isyarat radio kepada bot lain, termasuk bot yang berada berhampiran sempadan untuk memaklumkan kehadiran APMM bagi mengelak ditahan," katanya.

Katanya, mereka juga melarikan diri ke kawasan sempadan atau keluar dari perairan Malaysia dengan kelajuan tinggi, sekali gus menghindari proses tangkapan.

"Dalam sesetengah kes, bot nelayan asing turut melepaskan objek ke laut seperti tali dan pukat bagi menghalang kelajuan atau laluan kapal dan bot APMM.

"Apabila diperiksa dan pengeledahan dilakukan, terdapat beberapa kes, pegawai dan anggota APMM diserang dengan objek tajam seperti parang dan menyebabkan pegawai dan anggota mengalami kece-

deraan," katanya.

Katanya, walaupun berdepan cabaran, APMM tetap komited menjaga keselamatan perairan negara.

"Sebagai barisan hadapan keselamatan maritim, APMM memastikan setiap inci perairan Malaysia dipantau dan dilindungi daripada ancaman, terutamanya oleh vesel nelayan asing," katanya.



KAPAL nelayan asing yang sudah dilucut hak oleh Maritim Malaysia untuk dijadikan sebagai tukan tiruan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/6/2025	HARIAN METRO	LOKAL	MUKA HADAPAN



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/6/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

BDIFIP wujudkan hab perikanan halal bertaraf dunia

BAGAN DATUK - Perak bakal menyaksikan kelahiran pusat industri perikanan bertaraf dunia menerusi Taman Perindustrian Perikanan Antarabangsa Bagan Datuk (BDIFIP) di wilayah Baroh daerah Bagan Datuk.

BDIFIP merupakan projek pelaburan berimpak tinggi di atas tanah milik Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc) seluas 127.8 hektar yang dijangka akan mengubah landskap ekonomi negeri.

Projek bernilai RM2 bilion itu akan melalui pembangunan berperingkat selama enam tahun dari 2027 hingga 2033.

Projek tersebut akan merealisasikan sebuah taman perindustrian berpagar dan terurus yang mampu menarik pelabur antarabangsa dari China, Korea Selatan, Australia dan negara-negara Asia Tenggara.

Kehadiran syarikat-syarikat global dalam industri makanan dan perikanan itu akan menjadikan BDIFIP sebagai pusat kecemerlangan yang beroperasi mengikut piawaian antarabangsa tertinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif MB Inc, Datuk Anuar Zainal Abidin berkata, jalinan kerjasama strategik antara syarikat berkaitan kerajaan (GLC) negeri dan Younchang Engineering & Construction (M) Sdn Bhd merupakan rakan strategik untuk membawa kepakaran teknologi termaju serta jaringan pasaran global yang luas dalam industri itu.



Ahmad Zahid (tengah) menyempurnakan prapelancon BDIFIP di Dewan Dato' Lope Hashim di Bagan Datuk, baru-baru ini.

"MB Inc Perak sebagai sebuah GLC negeri komited untuk menggerakkan projek industri perikanan berskala besar ini sekali gus memberikan pulangan pelaburan yang tinggi kepada ekonomi negeri Perak.

"Pembangunan BDIFIP merupakan langkah strategik Kerajaan Negeri Perak dalam memperkasa pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan.

"Inisiatif ini akan mengubah landskap sosioekonomi daerah Bagan Datuk dan merealisasikan potensinya sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi di rantau utara Semenanjung Malaysia," katanya.

Sementara itu, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata,

projek berkenaan akan menjadi pemangkin utama dalam mencipta peluang ekonomi baharu dalam mewujudkan sebanyak 5,500 peluang pekerjaan yang berkualiti kepada penduduk tempatan.

"Pekerjaan ini merangkumi pelbagai tahap kemahiran daripada pekerja mahir dan separa mahir hinggalah kepada jawatan pengurusan, kejuruteraan dan pegawai teknologi.

"Impak berganda projek ini akan menghasilkan limpahan manfaat kepada ekonomi setempat dan BDIFIP akan menjaga pertumbuhan dalam pelbagai sektor sokongan termasuk pembangunan industri hiliran, peningkatan aktiviti logistik dan pengangkutan serta

YAB Dato' Seri Diraja Dr. Ahmad Zahid bin Hami
Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah

14 Jun 2025 (Sabtu) | 3:00 petang
Dewan Dato' Lope Hashim, Bagan Datuk, Perak



Ahmad Zahid bersama Anuar menyaksikan sesi menandatangani MoA antara Younchang Engineering (M) Sdn Bhd dan MingCheng Group Co Ltd, di sini, baru-baru ini.

peningkatan nilai tanah di kawasan sekitar," katanya.

Majlis prapelancon BDIFIP yang disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Dewan Dato' Lope Hashim di sini, baru-baru ini menandakan komitmen teguh Kerajaan Persekutuan dalam merealisasikan visi transformasi ekonomi negara melalui sektor perikanan dan makanan halal.

Majlis itu diperkukuh lagi dengan sesi pertukaran dokumen perjanjian antara MB Inc Perak dan Younchang Engineering & Construction (M) Sdn Bhd serta sesi menandatangani memorandum perjanjian (MoA) antara Younchang Engineering (M) Sdn Bhd dan MingCheng Group Co Ltd.